

PROGRAM HARI INOVASI JANM TAHUN 2016

Pengenalan

Kemuncak kepada program Inovasi JANM Tahun 2016 adalah Sambutan Hari Inovasi, Integriti dan Bulan Bahasa JANM yang telah diadakan pada 23 November 2016 dengan tema “Inovasi dan Integriti Pemangkin Merealisasikan Perakaunan Akruan”.

Sambutan ini telah diadakan di Dewan Serbaguna Aras 7, Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan dirasmikan oleh YBhg. Dato’ Haji Che Pee bin Samsudin, Akauntan Negara Malaysia.

Antara program Inovasi yang dijalankan pada tahun 2016 adalah:

- Sambutan Hari Inovasi, Integriti dan Bulan Bahasa JANM
- Pertandingan Poster Inovasi & Integriti JANM
- Pertandingan Idea Inovasi
- Lawatan Inovasi
- Ceramah Inovasi dan Integriti
- Pertandingan Artikel Inovasi
- Pertandingan Keceriaan Tangga
- Hebahan Inovasi

Sambutan Hari Inovasi, Integriti dan Bulan Bahasa JANM Tahun 2016

Sambutan Hari Inovasi, Integriti JANM pada tahun 2016 diadakan bersekali dengan sambutan bulan bahasa peringkat Jabatan. Majlis yang diadakan pada 23 November 2016 telah dirasmikan oleh YBhg. Dato’ Haji Che Pee bin Samsudin, Akauntan Negara Malaysia.

Majlis ini turut dimeriahkan dengan persembahan dari AG Buskers, deklamasi sajak dan nyanyian oleh kumpulan koir JANM.

YBhg. Dato’ ANM turut berbesar hati menyampaikan hadiah kepada para pemenang pertandingan-pertandingan inovasi yang telah diadakan sepanjang tahun 2016.

Pertandingan Poster Inovasi & Integriti JANM

- Pertandingan ini bertujuan untuk mencungkil kreativiti warga JANM. Pertandingan yang bertemakan “Inovasi & Integriti Pemangkin Merealisasi Perakaunan Akruan” ini bermula dari 8 Jun sehingga 1 Julai 2016.
- Poster pemenang dijadikan sebagai *banner* dan *backdrop* sempena Sambutan Hari Inovasi, Integriti dan Bulan Bahasa JANM Tahun 2016.
- Keputusan pertandingan adalah seperti berikut:

Tempat Pertama : **Nurul Aida binti Mohamed Amin (JANM Pulau Pinang)**

Tempat Kedua : **Rasima binti Nasir (JANM Sandakan)**
Tempat Ketiga : **Nur Affniyana binti Wad (JANM Sandakan)**

Pertandingan Idea Inovasi

- Tujuan utama pertandingan ini diadakan adalah bagi memupuk budaya inovasi dan kreativiti di kalangan warga JANM yang boleh diketengahkan bagi kebaikan organisasi.
- Hebahan Pertandingan Idea Inovasi dan Integriti JANM Tahun 2016 telah dimaklumkan kepada semua warga JANM termasuk JANM Negeri/Cawangan melalui e-mel pada 15 Jun 2016. Tempoh pertandingan adalah dari 15 Jun sehingga 31 Julai 2016
- Pemenang bagi pertandingan ini adalah:
 - **En. Ahmad Badri bin Abu Bakar (JANM Perak)**
“Membangunkan sistem pangkalan data bagi merekod dan memantau aktiviti *site deployment* 1GFMAS di PTJ di Perak yang dikenali sebagai PTJ2Akruan”
 - **En. Zabrin bin Haidar (JANM Sabah)**
“Mewujudkan server FTP/File share bagi tujuan berkongsi dan menyampaikan maklumat dan *file* kepada PTJ melalui *link* yang dilampirkan pada buletin ESPKB”
 - **Pn. Sutina binti Mahmud (IPN)**
“Memperkenalkan sumber rujukan dan bahan-bahan berkaitan Perakaunan Akruan dalam bentuk eBook”

Lawatan Inovasi

- Program lawatan inovasi ke Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) adalah salah satu program inovasi tahunan. Lawatan ini telah diadakan pada 18 Ogos 2016 dan seramai 29 orang pegawai menyertai lawatan ini yang terdiri daripada wakil semua Bahagian di JANM.
- Objektif lawatan adalah bertujuan untuk mendapatkan idea berkaitan program-program inovasi yang telah diadakan oleh pihak IWK, di samping mempelajari pendekatan yang digunakan oleh IWK.
- Para peserta telah diberi taklimat daripada pegawai IWK, En. Ahmad Budaya bin Ismail dan En. Ruzaini bin Ahmad Jani.
- Antara budaya inovasi IWK yang dikenalpasti boleh dicontohi oleh JANM:
 - Mengadakan kerjasama/usahasama dengan pihak pakar dan berkemahiran dalam bidang tertentu.
 - Menggalakkan dan memupuk budaya menggunakan teknologi hijau dan adaptasi nilai mesra persekitaran dalam operasi harian syarikat.
 - Mengadakan usahasama yang diterajui oleh pihak vendor – *Program Vendor Led* dalam bidang kajian yang berjangka pendek dan tidak melibatkan kerja penyelidikan yang mendalam.

Ceramah Inovasi dan Integriti

- Majlis Seminar Raikan Inspirasi 2016 bertemakan “Melakar Perubahan, Melestari Integriti” telah diadakan pada 29 Ogos 2016 di Dewan Serbaguna JANM Aras 7 dengan bilangan peserta seramai 265 orang dan dipancarkan secara *Live Streaming* ke JANM Negeri dan Cawangan.
- Panel-panel yang hadir bagi berkongsi pengalaman dan pengetahuan mereka terdiri daripada:
 - i) YBhg. Tan Sri Mahmood Adam – Mantan Pengerusi SPA
 - ii) Imam Muda Asyraf – Pendakwah
 - iii) En. Ashran Dato’ Ghazi – CEO MaGIC
 - iv) En. Rosdi bin Abu, Pengarah IPN sebagai moderator

Pertandingan Artikel Inovasi

- Pertandingan ini bertujuan mencungkil dan mengasah bakat di kalangan warga JANM yang meminati bidang penulisan.
- Penganjuran pertandingan menulis artikel ini turut bertujuan menggalakkan warga JANM menyumbang idea dalam meningkatkan hasil kerja dan produktiviti berasaskan inovasi di Jabatan menerusi karya penulisan.
- Keputusan pertandingan adalah seperti berikut:

Tempat Pertama : **En. Ahmad Muhyiddin bin Hashim (BA MOF)**
Tajuk Artikel : Inovasi & Integriti Seiring Memperkasa Sektor Awam

Tempat Kedua : **Pn. Shahida Arsal binti Abdullah Sani (JANM Perak)**
Tajuk Artikel : Kreativiti Yang Beretika dan Berakhlak

Tempat Ketiga : **Pn. Nur Aslina binti Ainon dari (JANM Sarawak)**
Tajuk Artikel : Simbolik Inovasi dan Integriti

Pertandingan Keceriaan Tangga

- Pertandingan ini diadakan susulan dari cetusan idea pemenang Pertandingan Idea Inovasi JANM Tahun 2015.
- Penyertaan dibuka kepada semua Bahagian (kecuali BWTD dan IPN).
- Kriteria-kriteria pemarkahan yang digunakan dalam penilaian adalah seperti berikut:
 - Keadaan persekitaran dan suasana tangga
 - Program-program bagi meningkatkan kesepakatan dan semangat *esprit de corps*
 - Penerapan amalan budaya kualiti
 - Promosi dan publisiti
- Penilaian telah dijalankan oleh panel penilai pada 31 Oktober 2016 dan keputusan pertandingan adalah seperti berikut:

Tempat Pertama : **Bahagian Akaun, Kementerian Kewangan**

Tempat Kedua : **Bahagian Khidmat Perunding**

Tempat Ketiga : **Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat**

Hebahan Inovasi

- Kata-kata dan *quotes* inovasi dihebahkan pada setiap dua bulan melalui e-mel kepada semua warga JANM.
- Aktiviti ini diadakan bagi menyuntik semangat dan kesedaran inovasi dan kreativiti dalam kalangan warga JANM.
- Hebahan kata-kata inovasi adalah seperti berikut:
 1. Kisah Levi's Strauss
 2. Ujian IQ Inovasi daripada Holly Green
 3. Kata inovasi oleh Curt Richardson. "*Failure is a part of innovation—perhaps the most important part*".

Penutup

Kerjasama daripada setiap warga JANM dalam menjayakan pelbagai program yang telah dianjurkan amat dihargai. Semoga dengan penglibatan dalam aktiviti yang diadakan dapat menjadi dorongan kepada warga JANM untuk berusaha meningkatkan kualiti perkhidmatan melalui pelbagai inovasi yang unik dan berkesan.